



Ceburi Sektor Perladangan dan Komoditi

Generasi muda mampu raih pendapatan tinggi menerusi keusahawanan berasaskan tanaman

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

TAMPARULI: Kerajaan menggalakkan lebih ramai golongan muda untuk menceburi diri dalam kerjaya di sektor perladangan dan komoditi.

Peluang pekerjaan dalam sektor ini sangat luas dan pelbagai yang dapat memberikan pendapatan setimpal serta jaminan masa depan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata demikian semasa merasmikan Program Hello Komoditi anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) di sini baru baru ini.

Tan Sri Bernard Dompok berkata melalui seminar dan pameran, maklumat mengenai peluang kerjaya dalam sektor perladangan termasuk dalam bidang agronomi, kejuruteraan dan keusahawanan dapat disampaikan bagi menarik minat orang ramai untuk menyertai sektor ini.

Katanya, dalam usaha Kerajaan memastikan industri komoditi negara terus berdaya saing dan berorientasikan pasaran, Kerajaan telah melancarkan Dasar Komoditi Negara (DKN).

Menurutnya, DKN dirangka bagi memacu pertumbuhan industri ko-



TAN Sri Bernard Dompok menyampaikan Sijil Penyertaan Agensi (MPOB) sempena Program Hello Komoditi anjuran MPIC di Tamparuli, Sabah kepada Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May. Turut kelihatan TKSU, MPIC, Mohamad Sanuri Shahid (kiri).

moditi untuk tempoh 2011 sehingga 2020 dengan tumpuan diberikan kepada pertumbuhan mampan, seimbang dan mesra alam.

"Untuk mencapai matlamat itu, kita memerlukan pekerja-pekerja tempatan yang berpengetahuan, mahir dan profesional. Sebagai usaha membangunkan modal insan, Kementerian saya telah menubuh-

kan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC)."

"Ia merupakan sebuah institusi latihan kemahiran untuk melatih belia dan pekerja bagi memenuhi permintaan tenaga kerja separa mahir di sektor perladangan dan industri berasaskan komoditi.

"Pelbagai kursus ditawarkan di IMPAC, antaranya pembuatan cok-

lat, rekabentuk dan pembuatan perabot, teknologi dan operasi mesin kayu, penyelenggaraan tapak samian, operator mekanisasi ladang dan kursus latihan pegawai pengembangan pengurusan kilang," katanya ketika merasmikan majlis itu, yang dihadiri ribuan penduduk sekitar Tamparuli.

Tan Sri Bernard Dompok ber-

harap pengunjung untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kursus-kursus yang disediakan oleh IMPAC di tapak pameran disediakan.

Katanya, Kerajaan meletakkan sasaran tinggi untuk meningkatkan pendapatan rakyat.

Untuk itu, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) melalui agensi-agensinya iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Lada Malaysia (MPB) serta Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara (LKTN) telah dan sedang melaksanakan pelbagai kursus.

"Kursus yang dilaksanakan itu adalah untuk merangsang penguasaan sektor komoditi supaya lebih moden dan memberikan sumbangan yang bermakna kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Melalui permodenan sektor ini, sasaran kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat khususnya pekebun kecil ke tahap yang lebih tinggi," katanya.

Kerajaan bukan saja menggalakkan penglibatan dalam sektor perladangan malah memastikan rakyat melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan berasaskan tanaman.



TAN Sri Bernard Dompok berucap ketika Perhimpunan Bulanan MPIC di Ibu Pejabat MPOB, baru-baru ini.

NKEA sawit, getah catat skor 98 peratus

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

BANGI: Industri sawit dan getah mencatatkan skor 98 peratus di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) sebagaimana yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2011 bagi Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2011 yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada April lalu.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata, pencapaian tersebut telah dicatatkan oleh keseluruhan 12 Projek Permulaan bagi kedua-dua NKEA sawit dan getah.

Usaha gigih akan terus dijalankan oleh pasukan NKEA di kementerian dan agensi bagi memastikan sasaran akhir sumbangan sebanyak 230.9 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) iaitu RM178 bilion bagi sawit dan RM52.9 bilion bagi getah akan dapat dicapai menjelang tahun 2020, katanya ketika berucap di Majlis Per-

himpunan Bulanan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2011 di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, di samping sawit dan getah, kementerian dan agensi juga perlu meningkatkan usaha mentransformasi industri komoditi lain seperti kayu-kayan, koko, lada dan kenaf ke tahap yang lebih tinggi dengan tumpuan penghasilan produk-produk bernilai tambah.

"Saya berharap Dasar dan Pelan Tindakan Komoditi Negara dapat diterjemah dan dilaksanakan sepenuhnya serta dijadikan asas dalam mengemukakan permohonan projek pembangunan baru Rancangan Malaysia ke-10," katanya.

Katanya, berdasarkan Bank Negara Malaysia yang menjangkakan ekonomi negara akan tumbuh pada kadar empat hingga lima peratus, tahun 2012 dijangka akan lebih mencabar kepada ekonomi negara kita termasuk sektor perladangan dan komoditi.

"Keadaan ini adalah disebabkan

oleh pertumbuhan ekonomi global yang dijangka lebih perlahan berpunca masalah hutang Negara Eropah, mengakibatkan permintaan lebih sederhana terhadap keluaran komoditi termasuk sawit," katanya.

Katanya, selaras dengan ekonomi yang semakin mencabar, ekspektasi dan kehendak pelbagai 'stakeholders', semua pihak hendaklah mengambil inisiatif sewajarnya.

"Semua pihak perlu 'thinking out of the box' bagi menangani isu-isu yang dihadapi sektor komoditi seperti sekat tarif dan bukan tarif, persaingan dengan negara penguasaan komoditi yang lain serta masalah tenaga kerja," katanya.

Pada majlis berkenaan, beliau turut menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada kakitangan dan penghargaan kepada pesara MPIC.

Majlis turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmalia Abd Rahim; Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, M. Nagarajan dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

**Minda****Datuk Dr Choo Yuen May**
KETUA PENGARAH MPOB

TENAGA buruh memainkan peranan penting dalam pembangunan industri sawit. Namun, kurangnya minat dan penglibatan anak tempatan menyebabkan negara amat bergantung kepada buruh asing dalam menjayakan industri ini. Industri sawit digambarkan sebagai kotor, melibatkan kerja berat serta tidak kondusif bagi anak tempatan untuk mencubanya. Dengan keluasan tanaman sawit Malaysia yang sudah melangkaui 5.0 juta hektar, negara amat memerlukan tenaga buruh asing separa mahir untuk mengendalikan aktiviti penuaian dan memungut buah tandan segar (BTS). Menurut statistik terkini, aktiviti penuaian ini adalah didominasi hampir sepenuhnya (92%) oleh tenaga buruh asing. Namun begitu, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) masih giat dan terus menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan demi mengeluarkan jentera yang boleh meringankan beban pekerja dan diharapkan dapat menarik minat anak tempatan untuk menceburi industri ini. Antara peralatan dan jentera mekanisasi yang telah dibangunkan MPOB adalah seperti jentera penuaian yang lebih dikenali dengan nama CANTAS. Alat ini, yang menggunakan sabit bergetar, mampu untuk memudahkan kerja penuaian, sekaligus meningkatkan produktiviti. Kajian telah menunjukkan bahawa CANTAS mampu meningkatkan produktiviti pekerja 70 – 80% berbanding sabit manual. Kerajaan telah mengenalpasti CANTAS sebagai satu cara untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan tenaga buruh di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA-EPP3). Di samping itu, pihak Kerajaan melalui MPOB telah memperkenalkan Skim Diskaun CANTAS (SKIDIC) pada Ogos 2010 bagi membantu sektor pekebun kecil dan perladangan untuk memiliki CANTAS. Skim ini memberi rebat RM1000 bagi setiap pembelian CANTAS. Dengan adanya galakan dan skim insentif ini, diharapkan agar pihak industri dapat meningkatkan produktiviti pekerja, pendapatan pengusaha dan sekaligus menyumbang ke arah peningkatan pendapatan ekonomi negara secara keseluruhan. Antara teknologi MPOB lain yang terbukti dapat meningkatkan produktiviti dan mendapat sambutan pihak industri adalah jentera pemungut BTS yang dikenali sebagai Grabber. Jentera ini mampu meningkatkan produktiviti pengangkutan BTS hampir sepuluh kali ganda. Sebuah jentera pengangkut khusus di kawasan lembut dan tanah gambut dinamakan 'Beluga' akan dilancarkan dalam Seminar Pemindahan Teknologi (TOT) pada Jun 2012. Keluasan tanah gambut yang ditanam dengan sawit di Sarawak akan membuka ruang kepada penggunaan meluas teknologi ini. Pihak industri sawit menyokong usaha kerajaan mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh asing. Namun, pihak industri berpendapat tenaga buruh asing masih diperlukan. Peralatan mekanisasi sedia ada hanya mampu membantu mengurangkan beban dan meningkatkan produktiviti pekerja, tetapi belum mampu mengurangkan sepenuhnya kebergantungan kepada buruh asing. Dalam seminar Palm Industry Labour: Issues, Performance and Sustainability (PILIPS) diadakan baru-baru ini, pihak industri menyenaraikan beberapa faktor menyebabkan mekanisasi belum dapat diterapkan sepenuhnya di ladang, antaranya termasuk: keperluan modal yang tinggi, kekurangan tenaga mahir dalam bidang mekanisasi, kekurangan servis susulan (back-up service) dan kekurangan teknologi bagi kawasan bercerun dan tanah gambut. Untuk mengatasi masalah ini, pihak MPOB dan industri akan sentiasa berinteraksi dan menjalankan kajian secara usahasama bagi merekabentuk suatu peralatan atau jentera yang menurut sistem pengurusan perladangan yang menepati kehendak industri. Latihan yang lebih giat dan menyeluruh perlu dijalankan untuk memahirkan tenaga pekerja sedia ada agar kerosakan peralatan dapat dikurangkan. Aktiviti promosi juga perlu dilakukan dengan lebih kerap, melalui seminar, per-tunjukan kaedah di ladang, pameran dan juga ceramah bagi mewujudkan kefahaman mengenai teknologi mekanisasi terkini. Bagi meningkatkan minat dan kecekapan anak tempatan menceburi bidang mekanisasi ladang, MPOB menawarkan Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) sejak 2006 dan hingga kini telah mengeluarkan lebih 400 graduan yang terdiri daripada belia lepasan sekolah yang mampu mengurangkan sedikit kebergantungan kepada tenaga buruh asing. Kursus lain untuk melatih penuai tempatan juga dijalankan Institute of Malaysian Plantation and Commodities (IMPAC) di bawah naungan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Adalah menjadi aspirasi MPOB dan kerajaan agar mereka dapat menyumbangkan tenaga dan keringat dalam memperkukuhkan industri sawit, khususnya dalam penerapan bidang mekanisasi di perladangan sawit.



TAN Sri Bernard Dompok mempengerusikan Seminar Lab Memperkukuhkan Daya Saing Minyak Sawit Malaysia.

Makmal bincang tingkat daya saing minyak sawit

Kesan perubahan duti eksport Indonesia turut diberi

Oleh Ali zulhasmi Ali Nordin
alizulhasmi@mpob.gov.my

PUTRAJAYA: Makmal membincangkan tajuk Peningkatan Daya Saing Industri Hiliran Minyak Sawit Malaysia diadakan di Hotel Marriott Putrajaya pada 10-11 Mei 2012 baru-baru ini khusus bagi membincang dan menangani kesan perubahan duti eksport Indonesia ke atas industri hiliran minyak sawit Malaysia.

Makmal perbincangan ini dianjurkan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dengan kerjasama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Makmal ini disertai oleh 80 peserta yang terdiri daripada wakil pelbagai agensi Kerajaan, persatuan ladang sawit Malaysia dan persatuan industri hiliran sawit Malaysia.

Perasmian makmal ini telah disempurnakan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok. Turut hadir Timbalannya, Dato' Hamzah Zainudin, Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmal

Abdul Rahim dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Semasa berucap merasmikan seminar, Tan Sri Bernard Dompok berkata industri sawit memainkan peranan penting kepada ekonomi Malaysia dan terjadinya perubahan cukai eksport Indonesia ke atas minyak sawit Malaysia sudah tentu akan memberi impak yang tidak disengangi oleh pengeluar dan pengesport minyak sawit Malaysia.

Katanya, sejak September 2011 hingga April 2012, Indonesia telah mengubah struktur cukai mereka ke atas minyak sawit sebanyak 4 kali dan pada bulan April 2012, cukai yang dikenakan kepada pengesportan minyak sawit mentah (MSM) ke Indonesia ditingkatkan kepada 18 peratus. Manakala untuk minyak olein dan stearin masing-masing 9 peratus dan 7 peratus.

Turut menyertai makmal tersebut adalah Dr James Fry dari United Kingdom (UK).

Sejumlah 7 kertas kerja dibentangkan pada makmal ini dan sesi pertama perbincangan bertemakan "Oil Palm In-

dustry Performance and Incentivising Downstream Operations" yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmal Abd Rahim.

Didalam sesi ini, kertas kerja yang dibentangkan membincangkan prestasi terkini industri minyak sawit Malaysia dan juga insentif yang boleh memajukan sektor hiliran industri sawit Malaysia.

Sesi kedua pula bertemakan "Oil Palm Upstream Perspectives and Enhancing Downstream Potentials" dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) MPIC, M Nagaran. Sesi ini membincangkan peluang dan potensi bagi memajukan sektor hulu dan hiliran industri minyak sawit termasuk sektor oleokimia dan biodiesel.

Peserta dibahagikan kepada 3 kumpulan kerja bagi membincangkan 3 topik iaitu kajian terhadap struktur cukai Malaysia ke atas industri minyak sawit, membangun sinergi di antara sektor perladangan sawit dan juga sektor hiliran, dan Insentif dan bidang-bidang yang berpotensi untuk dimajukan dalam sektor hiliran minyak sawit.

Wajib patuhi Kod Amalan Baik CoPN

Oleh Roselan Ab Malek
bhnews@bharian.com.my

JERANTUT: Semua perusahaan tapak samaian berlesen di seluruh negara wajib melaksanakan Kod Amalan Baik Tapak Samaian untuk Tapak Samaian Kelapa Sawit (CoPN) bagi memastikan pengeluaran anak benih sawit yang berkualiti tinggi.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainudin, berkata semua pengusaha tapak samaian perlu memahirkan diri dengan garis panduan yang ditetapkan.

Katanya, Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mewajibkan semua pengusaha mematuhi amalan itu bagi memastikan pengeluaran buah sawit meningkat manakala produk sawit negara terus diyakini.

"Anak sawit berkualiti dan bermutu tinggi penting dalam memberikan pulangan hasil buah tandan segar (BTS)

dan perahan minyak (OER) yang tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Pengusaha Samaian Sawit Malaysia (MOPNA) di Pusat Penyelidikan Tun Razak, Sungai Tekam, dekat sini, kelmarin.

Teks ucapannya dibacakan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Ahmad Sidek Stroo.

Turut hadir Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan MPOB, Idris Omar, Presiden MOPNA, Azhari Wasi Mohd Jamlil serta Pengurus Besar Kanan Penyelidik dan Pembangunan, Felda Agricultural Services sdn Berhad, Suhaidi Hamzah.

Hamzah berkata, Kementerian menasankan mempercepatkan penanaman semula sawit menggunakan benih berkualiti, di samping melaksanakan Skim Tanaman Semula Sawit Pekebun Kecil.

Katanya, industri sawit mampu

menjana pembangunan ekonomi negara ke arah pencapaian status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 melalui sektor hulu bagi meningkatkan produktiviti hingga sektor hiliran untuk penghasilan produk nilai tambah.

Beliau berkata, pelaksanaan projek berimpak tinggi ini dijangka meningkatkan sumbangan industri berasaskan sawit kepada Pendapatan Dalam Negara Kasar daripada RM 52.7 bilion pada 2009 kepada RM 178 bilion pada 2020.

"Kini, tanaman sawit negara mencecah lima juta hektar, meliputi 73.2 peratus kawasan pertanian meningkat kepada 18.91 peratus berbanding 16.99 peratus pada 2010," katanya.

Hamzah berkata, pengukuhan harga sawit dan produk berasaskan sawit di pasaran, membolehkan pendapatan eksport meningkat kepada RM83.3 bilion tahun lalu dan memberi banyak manfaat kepada pekebun kecil serta sektor perladangan sawit di negara ini.

Seminar PILIPS bincang isu buruh ladang sawit

Pastikan produktiviti tak terjejas

Oleh Amerullah Othman
amerullah_othman@ymail.com

KUALA LUMPUR: Sektor perladangan sawit yang masih mengalami kekurangan buruh sebanyak 35,473 pekerja pada masa ini adalah perlu meningkatkan penggunaan jentera bagi memastikan produktiviti tidak terjejas.

Kini terdapat seramai 491,339 pekerja dalam sektor perladangan sawit dan daripada jumlah itu, 76 peratus adalah pekerja asing terutamanya Indonesia yang bekerja sebagai penuai, pengumpul tandan buah segar dan pekerja di lapangan untuk kawalan rumpai, pembajaan

dan pemangkasan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata demikian semasa berucap merasmikan Seminar Pekerja industri Sawit: Isu, Prestasi dan Kelestarian (PILIPS) 2012 di sini baru-baru ini. Ucapan beliau telah dibaca oleh Timbalannya, Dato' Hamzah Zainudin.

Seminar PILIPS yang dianjurkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) adalah untuk membincangkan isu-isu berkaitan senario terkini dalam industri sawit terutamanya berkaitan dengan pekerja, produktiviti, pengurusan, mekanisasi dan prestasi industri.



DATO' Hamzah Zainudin melawat pameran selepas merasmikan Seminar PILIPS. Turut kelihatan Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim (tiga dari kiri), Datuk Dr. Choo Yuen May (kanan) dan Dr. Ahmad Kushairi Din (dua dari kiri).

Pengumuman Kerajaan pada 30 April 2012 bagi menaikkan gaji minimum pekerja kepada RM900 di Semenanjung dan RM800 di Sabah dan Sarawak disambut baik oleh sektor perladangan dan komoditi.

Dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing serta menarik minat rakyat tempatan bekerja di sektor perladangan, Kementerian telah menubuhkan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) untuk melatih belia tempatan dan meningkatkan modal insan berilmu.

Sektor perladangan sawit juga

perlu beranjak pekerjaan manual kepada penggunaan jentera untuk memudahkan kerja dan meningkatkan produktiviti, katanya.

Walaupun penjenteraan ladang melibatkan kos yang tinggi, ia akan diimbangi dengan peningkatan produktiviti dan keuntungan dalam jangkamasa sederhana panjang.

Beliau memuji pengenalan jentera ladang seperti alat penuaian bermotor (Cantas) dan jentera pelbagai guna untuk pengumpulan, pengangkutan buah tandan segar termasuk untuk kegunaan di kawasan tanah lembut dan gambut.

“Cantas berupaya meningkatkan produktiviti pekerja penuaian dan memerlukan kurang tenaga pekerja”.

Bagi mengalakkan penggunaannya, Kerajaan menyediakan skim diskaun pembelian Cantas sebanyak RM1,000 bagi setiap unit Cantas yang dibeli.

PILIPS telah dihadiri oleh lebih 250 peserta daripada industri sawit dan agensi berkaitan. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Choo Yuen May.



Transfer Of Technology (TOT) Seminar 2012

A Business Opportunity Not To Be Missed
Offering 27 Technologies & 13 Services for commercialisation

The TOT Seminar is MPOB's annual flagship forum showcasing a blend of technological solutions and products along the entire value chain of the palm oil industry. It is a strategic platform for networking and exploring commercial endeavours and will benefit small, medium and large enterprises.

• TECHNOLOGIES •

- Plantation
- Biotechnology
- Plant Protection
- Farm Mechanization
- Livestock Integration
- Milling and Processing
- Phytonutrients and Nutraceuticals
- Food
- Oleochemical
- Biomass
- Biodiesel



• REGISTER NOW! •

JOIN US ON
14 June 2012

Malaysian Palm Oil Board
Head Office, Bangi

Officiated by
Y.B Tan Sri Bernard Giluk Dompok
Minister of Plantation Industries and Commodities



E-Register at: www.mpob.gov.my



For enquiries call: (6)03 - 8769 4567 / (6)03 - 8769 4873



Fax: (6)03 - 8925 7549 / (6)03 - 8926 1202



Or visit us: Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor.



Pengerusi MPOB bentang kertas kerja di forum EAZA

Bincang krisis kepupusan hidupan liar

Oleh Dr. Kalanithi Nesaretnam
sarnesar@mpob.gov.my

VIENNA (Austria): Pengerusi, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad telah membentangkan kertas kerja bertajuk 'Minyak Sawit Malaysia dan Usaha Pemuliharaan' di Forum Pemuliharaan anjuran Persatuan Zoo dan Aquaria Eropah (EAZA) 2012 disini baru-baru ini.

Forum yang bertemakan 'Love and Loss' ini dihoskan oleh Tier-

garten Schonbrunn (Zoo Vienna) dan pembentangan oleh Dato' Seri Utama Shahrir berjaya menarik perhatian peserta yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang termasuk saintis, penyelidik dan aktivis pemuliharaan.

Sesi forum itu menumpukan perbincangan kepada krisis kepupusan hidupan liar yang dialami di negara-negara di Asia Tenggara dan usaha-usaha pemuliharaan yang sedang dijalankan bagi menangani krisis berkenaan.

Asia adalah habitat semula jadi



PARA pembentang kertas kerja dan peserta di Forum Pemuliharaan bergambar bersama Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad (tiga dari kiri). Dari kiri Dr. Carl Traeholt (Zoo Copenhagen), Dr. Marc Ancrenaz (Hutan), En. Darrel Webber (RSPO), Dr. Kalanithi Nesaretnam (MPOB) dan Pn. Yatela Abidin (Yayasan Sime Darby).

kepada pelbagai spesies mega seperti gajah Asia, badak sumbu India, orang utan, ungka, singa Asia, harimau, burung enggang, burung hering, burung pegar dan lain-lain yang menghadapi ancaman kepupusan disebabkan oleh penebangan hutan, pencemaran alam sekitar dan pemburuan haram.

Pembentangan oleh Dato' Seri Utama Shahrir meliputi antara lain kepentingan industri minyak sawit kepada pembangunan ekonomi Malaysia, produktiviti tanaman kelapa sawit, Program Transformasi Ekonomi Malaysia

dan usaha-usaha pemuliharaan yang dijalankan di Malaysia.

Beliau turut menekankan pembabitan pelbagai pihak yang berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan di Malaysia. Di samping itu, beliau juga berkongsi maklumat dengan para peserta mengenai projek-projek yang sedang dijalankan di kawasan Kinabatangan di mana projek koridor mega biodiversiti telah dirancang. Koridor ini akan menghubungkan Tanah Paya Segama (Tapak Ramsar) dengan kawasan-kawasan ekologi utama di sepanjang Sungai Kinabatangan.

Pembentang-pembentang lain di dalam sesi Minyak Sawit termasuk Dr. Bryan Caroll (Zoo Bristol), Dr. Carl Traeholt (Zoo Copenhagen), Pn. Yatela Abidin (Yayasan Sime Darby), Dr. Marc Ancrenaz (Hutan) dan En. Darrel Webber (RSPO).

Mereka semua memberi pandangan seimbang berkaitan tanaman sawit dan aktiviti pemuliharaan dengan memberi fokus kepada cabaran yang dihadapi. Umumnya, peserta forum bersetuju bahawa usaha pemuliharaan yang dijalankan itu adalah langkah wajar membabitkan semua pihak berkepentingan.

MPOB Menang Emas, Gangsa ITEX 2012

Oleh Zarina Ridzwan
zarina@mpob.gov.my

BANGI: MPOB memenangi satu Pingat Emas dan satu Pingat Gangsa sempena International Technology Exhibition and Exposition (ITEX) 2012 kali ke 23 yang berlangsung pada 17 hingga 19 Mei 2012 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur baru-baru ini. MPOB cuma menghantar dua penyertaan kali ini.

Pingat Emas yang dimenangi adalah teknologi 'Simple Impeller with Fast Transfer Technique (SLIM-FaTT) in Liquid Culture System' (Pemutar Mudah dengan Teknik Perpindahan Pantas pada Sistem Kultur Cecair (SLIM-FaTT) yang diketuai Dr Ahmad Tarmizi Hashim. Manakala teknologi Production of Microbial Insecticide (Penghasilan Racun Serangga Microbial) yang diketuai Dr. Siti Ramlah Ahmad Ali memenangi Pingat Gangsa.

ITEX merupakan acara tahunan anjuran Malaysian Invention and Design Society (MINDS) yang diperkenalkan pada 1989. ITEX merupakan platform utama bagi penyelidik mengenengahkan teknologi masing-masing untuk pengkomersialan oleh pihak ketiga.

Dr Tarmizi berkata, SLIM-FaTT terhasil daripada cetusan ide untuk menambahbaik teknologi sedia ada di mana sistem kultur tisu cecair menggunakan kelalang dan pengoncang yang telah dibentuk dan digunakan secara rutin di MPOB.

Untuk peningkatan pengeluaran kultur, sistem kelalang dan pengoncang adalah terhad dan perlu menggunakan bioreaktor yang mahal. Bagi mengatasi masalah itu,



DR TARMIZI (tengah) dan ahli kumpulannya bersama Medial Pingat Emas dan Sijil Penghargaan yang dimenangi sempena ITEX 2012.

teknologi baru ini dihasilkan.

Teknologi ini menggabungkan antara proses pengudaraan dan pengoncangan (2 dalam 1) dengan teknik perpindahan media pantas di dalam sistem kultur tisu cecair.

Antara kebaikan SLIM-FaTT adalah peringkat pengisian media dapat dikurangkan kepada satu langkah sahaja, tiada pergerakan kultur dari bilik kultur ke kabinet aliran lamina, pengisian media boleh dilaksanakan di dalam bilik kultur pada bila-bila masa, risiko kontaminasi dapat dikurangkan, boleh dilaksanakan terhadap sebarang sistem kultur cecair, ekonomik dan praktikal serta berpontensi untuk diautomasi.

Manakala teknologi Penghasilan Racun Serangga Microbial pula merupakan produk berasaskan agen biologi, iaitu bakteria berfaedah,

Bacillus thuringiensis (Bt).

Teknologi penghasilan agen biologi Bt adalah khusus untuk kawalan serangga perosak famili Lepidoptera yang telah dibangunkan di loji rintis Pusat Kejuruteraan dan Teknologi Mikrob (MICROTEC) MPOB sejak 2005.

Antara racun serangga berasas Bt yang dihasilkan melalui loji rintis MICROTEC adalah Ecobac-1 (EC) dan Bafog-1 (S) di mana Ecobac-1 (EC) khusus untuk kawalan ulat bungkus melalui semburan udara menggunakan kapal terbang.

Racun serangga microbial selamat kepada alam sekitar dan berkesan untuk kawalan ulat bungkus di kawasan sawit yang luas dalam masa yang singkat.

Manakala Bafog-1 (S) adalah formulasi khusus menggunakan mesin semburan kabus.



SKIM DISKAUN CANTAS™ (SKIDIC)

JIMAT RM1000!!!

Untuk setiap unit pembelian Pemotong Sawit Bermotor (Cantas™)



KEGUNAAN CANTAS™

Untuk menuai tandan dan memotong pelepah sawit serta terbukti amat berkesan meningkatkan keberkesanan penualan.

KEMAMPUAN CANTAS™

- Pantas - masa bekerja yang cepat, dapat menuai lebih banyak tandan sawit dan boleh melakukan kerja-kerja lain serentak
- Jimat tenaga - tidak melelahkan dan dapat memanjatkan masa bekerja
- Mudah - mampu dikendalikan oleh wanita dan warga emas
- Bergaya - boleh menarik minat anak muda untuk bekerja di ladang sawi
- Meningkatkan produktiviti penualan
- Meningkatkan pendapatan bagi yang mengambil upah persendirian
- Boleh menjadi kontraktor mengambil upah menuai di kebun orang lain

**TUNGGU APA LAGI !!!
SIAPA CEPAT DIA DAPAT**

Terdapat Mesej Balapan Sawit Muzium Kemahiran Pemuliharaan Perladangan Kari Kemah

SIAPA YANG LAYAK?

1. Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap
2. a. Bagi pekebun kecil persendirian yang menuai kebun sendiri, minimum keluasan penualan adalah 2ha.
b. Bagi penual mengambil upah/ perniaga/ menuai di kebun sawit milik pekebun-pekebun kecil* dengan jumlah keluasan minimum adalah 20ha** atau menuai di kebun sawit yang dimiliki oleh tidak kurang 10 pekebun kecil atau keluasan yang munaabah bergantung kepada persekitaran, lokasi dan topografi atau sebab-sebab lain yang diputuskan oleh MPOB. Bagi ladang swasta/estet, jumlah keluasan minimum adalah 50ha @ 1 unit Cantas™
3. Lohot yang dilulus mempunyai lesen MPOB (kecuali peserta rancangan tertuis)

BAGAIMANA MEMOHON?

Pemohonan melalui borang boleh dibuat melalui Pegawai TUNAS di kawasan anda

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI

Shellyza Mohd Ishak Tel: 03-87694549
Siti Zulaiha Md Zali Tel: 03-87694252
Faks: 03-89259446

lawati www.mpob.gov.my

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

POMA disaran tingkat kerjasama dengan MPOB atasi cabaran industri

Kerjasama dengan koperasi pekebun kecil capai objektif SPOC

BANGI: Pengilang kelapa sawit disaran tingkatkan kerjasama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi menangani cabaran pembangunan industri sawit yang berdaya saing dan mampan di peringkat global.

Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad dalam ucapannya pada Forum Teknikal MPOB dengan Persatuan Pengilang Minyak Kelapa Sawit (POMA) berkata sektor pengilangan memainkan peranan penting dalam pemasaran dan pengilangan buah tandan sawit yang dibekalkan oleh pekebun kecil.

"Minyak sawit kini merupakan produk global dan tertakluk kepada persaingan serta permintaan global.

"Oleh yang demikian, isu-isu yang sebelum ini tidak menjadi masalah telah menjadi isu-isu penting. Ini termasuk isu seperti biogas dari efluen sawit, pencemaran alam sekitar dan sebagainya", katanya.

Beliau turut menggesa pihak POMA memberi input yang munasabah kepada MPOB untuk bersama-sama merancang halatuju bagi industri sawit menghadapi cabaran baru ini.

Forum Teknikal MPOB - POMA adalah antara usaha MPOB bagi meningkatkan interaksi dengan pihak industri dan maklum balas mengenai aktiviti penyelidikan dan pembangunan, peraturan dan kawal selia industri sawit negara.

Di antara isu yang dibincangkan dalam forum ini termasuk cara-cara untuk meningkatkan kualiti buah tandan segar, menaikkan kadar perahan minyak, mnangani amalan-amalan tidak sihat, pemba-



Minyak sawit kini merupakan produk global dan tertakluk kepada persaingan serta permintaan global

Shahrir Abdul Samad
Pengerusi MPOB

yan harga buah sawit mengikut kualiti serta cara bagi membolehkan kilang sawit mendapatkan pensijilan mampan.

Forum berkenaan turut dihadiri oleh Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Presiden POMA, Steven Yow dan disertai oleh 13 ahli POMA yang mewakili kilang sawit bebas.

DATO' SERI UTAMA Shahrir Abdul Samad mempengerusikan Forum teknikal MPOB- POMA. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kanan), Dr Ahmad Kushairi Din (kanan) dan Presiden POMA, Steven Yow (dua dari kiri).

MPOB, PEORA anjur seminar di Pakistan

Oleh Mohd Fairus Mohd Hidzir
fairus@mpob.gov.my

KARACHI: MPOB dan Pakistan Edible Oil Refiners Association (PEORA) telah menganjurkan seminar Palm Oil Refining Competency di sini pada 7 Mei 2012. Seminar anjuran bersama MPOB-PEORA kali ini merupakan siri ketiga selepas seminar pada tahun 2008 dan 2010.

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din semasa ucapan pembukaan seminar ini berkata Pakistan merupakan pasaran penting bagi minyak sawit Malaysia dan menggesa supaya dipertingkatkan lagi kerjasama perdagangan antara kedua negara.

"Pakistan merupakan pengimport utama produk sawit Malaysia di rantau Asia Barat dengan jumlah import minyak sawit Malaysia melebihi 1.8 juta tan pada tahun 2011. Pakistan merupakan pengimport ketiga terbesar minyak sawit selepas negara China dan Eropah."

"Dengan itu, penganjuran seminar ini adalah tepat pada masanya bagi menggambarkan kepentingan Pakistan sebagai antara pasaran



DR AHMAD Kushairi menyampaikan ucapan pembukaan di seminar 'Palm Oil Refining Competency' anjuran MPOB dan PEORA pada 7 Mei 2012.

terbesar bagi produk sawit Malaysia," katanya.

Turut hadir semasa majlis pembukaan seminar itu ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan, Dato' Adnan Anwar Adnan; Pengerusi Port Qasim Authority, Vice Admiral Muhammad Shafi; Pengerusi PEORA, Mr Mian Hanif serta Timbalan Pengerusi PEORA, Mr Rasheed Janmohammed.

Tema seminar 'Palm Oil Refining Competency' mencerminkan has-

rat ahli-ahli PEORA untuk meningkatkan keupayaan mereka memproses minyak sawit melalui khidmat sokongan teknikal MPOB.

Sebanyak lima kertas kerja berkaitan minyak sawit telah dibentangkan oleh tiga penceramah dari Malaysia dan dua penceramah dari Pakistan.

Seramai 110 orang peserta menghadiri seminar kali ini meliputi ahli industri, wakil agensi-agensi kerajaan dan ahli akademik.

**BANTUAN
RM 9,000 PER
HEKTAR**

**SKIM TANAM SEMULA
SAWIT PEKEBUN KECIL
(TSSPK)**
(Projek EPP1 di bawah NKEA)

Jangan Berleagak Lagi....!

SYARAT PERMOHONAN

- * Warganegara Malaysia
- * Pekebun kecil sawit pendirian dengan jumlah kekuson pemilikan tanah maksimum 40.46 hektar (100 ekar).
- * Mempunyai lesen MPOB
- * Tanaman sawit berumur melebihi 25 tahun atau yang tidak produktif.
- * Boleh memohon secara individu atau berkelompok.
- * Had maksimum bantuan 40.46 hektar

BANTUAN PENYELENGGARAAN KEBUN (BPK)
BPK sebanyak RM500/bulan akan dibekal selama dua tahun kepada pemohon yang lulus dan memenuhi syarat seperti berikut:

- * Pekebun kecil sawit sepenuh masa
- * Mempunyai pemilikan tanah sawit tidak lebih daripada 2.5 ha secara agregat.
- * Bergantung hidup daripada hasil pokok yang akan ditanam semula dan tiada sumber pendapatan tetap yang lain.
- * Satu pemohon sahaja layak jika ada penama lain dalam satu geran.
- * Layak sekali sepanjang tempoh skim

KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM
Pemohon boleh memilih salah satu kaedah pelaksanaan seperti di bawah:

- * Pekebun menguruskan sendiri semua kerja berkaitan penyediaan tapak dan membeli anak benih daripada pembekal yang ditertukan oleh MPOB dan input pertanian dari pembekal yang terpilih dan menuruti bayaran daripada MPOB dengan mengemukakan resit/surat akuan bersaki.
- * Pekebun boleh menyerahkan urusan penyediaan tanah semula, menanam dan membekal input pertanian kepada kontraktor yang dilantik oleh MPOB.
- * Pelaksanaan adalah secara individu dan kelompok.

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI

Amran Aflin (Tel: 089-897 106/013-555 0908-Sabah)
Mohd Arfan Johari (Tel: 083-436 122/013-8333 22-Sarawak)

Pereka cipta: Nordiana Abd Aziz
Tajuk Teknologi & Sinopsis: Kebolehpayaan Pengukuran Penderiaan Jauh Lapangan Bagi Mengesan Infestasi Ulat Bungkus Di Ladang Sawit.



Teknologi penderiaan jauh (remote sensing/RS) adalah kaedah pengumpulan maklumat ke atas sesuatu objek tanpa menyentuhnya secara langsung. Teknologi RS diaplikasikan dalam sistem pertanian dan satelit. RS telah digunakan untuk pemetaan guna tanah, pemantauan hasil tanaman, menilai kesesuaian kawasan untuk pembangunan dan peladang sawit dan sebagainya. Dalam kajian mengesan infestasi serangan ulat bungkus, RS digunakan untuk menceraip pemalihan spektral daun sawit yang rosak akibat infestasi ulat bungkus. Terdapat perbezaan 3 tahap serangan iaitu rendah, sederhana dan serius. Penderiaan jauh ini sangat penting khususnya untuk tanaman sawit Malaysia. RS dapat memetakan corak infestasi yang wujud di sesuatu kawasan.

Pereka cipta: Mohd Arif Simeh
Tajuk Teknologi & Sinopsis: Sistem Pengurusan Kos Estet Sawit (ECOMAS)



ECOMAS adalah perisian komputer sebagai alat kawal selia kewangan ladang. ECOMAS mampu menjaminkan masa Pengurusan dalam penyediaan laporan kewangan. Sistem ini juga, dapat meningkatkan kecekapan pengurusan untuk mengenalpasti punca peningkatan kos dan ketidakcekapan operasi pada satu-satu masa. Selain itu, ECOMAS juga lebih cekap melalui ECOMAS, Pengurus Ladang dapat memberi tumpuan yang lebih kepada pengurusan ladang.

Pereka cipta: Mohd Solah Deraman
Tajuk Teknologi & Sinopsis: Beluga: Jentera Pengangkut Bertrek Aktivi Di Kawasan Tanah Gambut



Beluga adalah jentera pelbagai guna untuk aktiviti pengangkutan di tanah gambut, tanah lembut selain tanah mineral. Jentera ini mampu memberi ruang penjejalan terhadap pengangkutan di tanah gambut atau kawasan bukit. Beluga adalah jentera kompak berenjin diesel 37 hp, bertrek getah dengan pengendalian 'single job stick lever', dilengkapi 'high pivot tipping' dan 'Power Take Off'. Mampu mengangkat 16-20 tan tanah sehari di kawasan gambut dan sehingga 30 tan sehari di kawasan bukit. Penggunaan diesel adalah

minimum iaitu 10-12 liter sehari. Beluga diiktiraf Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Pereka cipta: Fatimah Hanim Ahmad Zain
Tajuk Teknologi & Sinopsis: Pangkalan Data Abstrak Sawit



Pangkalan Data Abstrak Sawit adalah sebuah pangkalan data atas-talian yang merangkumi bahan-bahan ilmiah seperti artikel, jurnal, bab buku, kertas persidangan, paten, standard dan nota kuliah. MPOB telah mengambil inisiatif untuk membangunkan pangkalan data ini sebagai sumber rujukan berpusat bagi membantu dan mempergiatkan lagi aktiviti penyelidikan & pembangunan (R&D) sawit di kalangan para penyelidik dan industri. Pangkalan data ini memudahkan carian bahan rujukan ilmiah mengenai sawit yang diterbitkan MPOB. Elsevier, Wiley, Springer dan sebagainya. Terdapat lebih 3,000 abstrak di dalam pangkalan data ini yang diterbitkan dalam tahun 2000 sehingga 2011.

Ringkasan teknologi dan perkhidmatan ditawarkan untuk pengkomersialan sempena Seminar Pemindahan Teknologi (ToT) 2012 pada 14 Jun 2012 di Ibu Pejabat MPOB, Bandar Baru Bangi

Pereka cipta: Sharifah Muzaimah Syed Aripin @ Isa
Tajuk Teknologi & Sinopsis: Serbuk Streptomycex Ganosa1 Sebagai Kawalan Biologi Terhadap Penyakit Ganoderma Sawit



Formula serbuk Streptomycex Ganosa1 digunakan untuk kawalan penyakit reput pangkal batang yang disebabkan oleh kulat Ganoderma. Formula ini terbukti merencatkan pertumbuhan Ganoderma di peringkat makmal dan mengurangkan penyakit Ganoderma di tapak semaian. Ia mampu mengurangkan sehingga 60 peratus kadar jangkitan Ganoderma ke atas anak benih sawit. Serbuk Streptomycex Ganosa1 adalah agen kawalan biologi yang sesuai digunakan sebagai langkah pencegahan dan penyebaran penyakit Ganoderma di ladang sawit.

Pereka cipta: Maizatul Suriza Mohamed
Tajuk Teknologi & Sinopsis: Serbuk Burkholderia Ganoeb2 Sebagai Kawalan Biologi Terhadap Penyakit Ganoderma Sawit




Formula serbuk bakteria endolitik Burkholderia GanoEB2 yang berupaya merencat dan mengawal penyakit reput pangkal batang (RPB) Ganoderma menyerang pokok sawit. Keberkesanan serbuk Burkholderia GanoEB2 dalam mencegah pertumbuhan kulat Ganoderma telah diuji di peringkat makmal dan tapak semaian. Kadar kematian anak benih sawit yang dirawat dengan Burkholderia GanoEB2 adalah lebih rendah (27 peratus) berbanding anak benih sawit yang tidak dirawat (80 peratus). Serangan Ganoderma ke atas anak benih sawit yang dirawat dengan serbuk Burkholderia GanoEB2 dapat dikurangkan sehingga 57 peratus.

Pereka cipta: Norizah Halim
Tajuk Teknologi & Sinopsis: Penentuan Hidrokarbon (C20-C44) dalam Jilatr Minyak Menggunakan Alatan Gas Kromatografi (GC) dan Pengesanan Nyalaan ionisasi (FID)



Satu kaedah analisis kualitatif di bangunkan untuk menentukan ranta panjang hidrokarbon (C20-C44) dalam produk minyak sawit. Kaedah penentuan ini menggunakan peralatan gas kromatografi dan pengesanan nyalaan ionisasi. Kaedah di bangunkan mengikut spesifikasi yang ditentukan. Kaedah analisis ini dapat diguna pakai dalam analisis rutin harian untuk penentuan kualiti dan keselamatan makanan.

Pereka cipta: Dr. Halimah Muhamad
Tajuk Perkhidmatan: Analisa Kitaran Hayat Biji Benih Cambah Sawit



Analisa kitaran hayat (LCA) ialah satu kaedah untuk mengkaji impak terhadap alam sekitar bermula dari bahan mentah hingga produk akhir diperolehi. Biji benih cambah adalah rangkaian pertama kepada penghasilan minyak dan produk sawit. Melalui LCA langkah-langkah untuk memperbaiki pemrosesan biji benih cambah sawit bagi mengurangkan impak kepada alam sekitar dapat ditentukan.

Pereka cipta: Nur Rashieda Ramli
Tajuk Teknologi & Sinopsis: Serbuk Phlebia GanoEF3 Sebagai Kawalan Biologi Terhadap Penyakit Ganoderma Sawit



Formula serbuk kulat endofitik Phlebia GanoEF3 boleh mengawal dan mencegah penyakit Ganoderma pada pokok sawit. Anak benih sawit yang dirawat dengan serbuk Phlebia GanoEF3 merokodkan kadar kematian yang rendah (40%) berbanding anak benih yang tidak dirawat (90%). Manakala kadar kejatuhan penyakit Ganoderma pada anak benih sawit yang dirawat dengan serbuk Phlebia GanoEF3 dapat dikurangkan 48%. Formula serbuk Phlebia GanoEF3 sesuai digunakan sebagai agen kawalan biologi terhadap penyakit Ganoderma.

Pereka cipta: Dr Ahmad Tarmizi Hashim
Tajuk Teknologi & Sinopsis: Vessel Bermotor dengan Pemindahan Pantas Media (MoVeFast)



MoVeFast adalah system pemindahan media pada system Kultu tisu sawit. Movefast terdiri daripada vesel bermotor (5-10 liter), vesel yang mengandungi media dan vesel kosong. Semua vesel di hubungkan dengan tiub untuk proses perpindahan media secara pantas. MoveFast membolehkan pengsubkulturan kultur dan penambahan media dijalankan serentak tanpa kabinet aliran lamina. Risiko kontaminasi dikurangkan dan pindahan media dapat dilakukan pada bila-bila masa. Sistem ini juga boleh digunakan untuk sistem kultur cecair tumbuhan lain.

Pereka cipta: Dr Astimar Abd Aziz
Tajuk Teknologi & Sinopsis: Pengeluaran Arang Teraktif Dan Asid Pirogigneus (Cuka Kayu) Daripada Biogisim Sawit



Pengeluaran arang teraktif dan asid pirogigneus daripada biogisim sawit dilaksanakan dengan penggunaan relay yang disambungkan dengan sistem kondensasi asap dan gas. Asid pirogigneus (cuka kayu) mempunyai aplikasi yang luas dalam industri pertanian dan farmasi kerana kandungan fenolik dan asid asetik yang tinggi. Melalui sistem ini, 30 peratus arang dapat dihasilkan yang mengandungi 80 peratus karbon. Sistem 2-relau selama 6 hari boleh karbonisasikan 2.24 tan tempurung sawit yang menghasilkan 0.7 tan arang. Setiap karbonisasi menghasilkan 500 liter cuka kayu.

Pereka cipta: Dr. Ismail Ab. Ramam
Tajuk Teknologi & Sinopsis: Formula Novel Racun Rumpai Gifosat-Triflofir Minyak-Dalam-Air (EW) Emulsi Minyak dalam Air (EW) Mengandungi Bahan Lengai Sawit.



Teknologi ini adalah produk kawalan rumpai 2-dalam-1 mengandungi bahan lengai berkesan sawit seperti surfatkan dan pelarut. Bahan lengai semula jadi ini mudah terurai, takat mudah bakar tinggi dan selamat kepada pekerja. Kajian bioefikasi terhadap formula ini menunjukkan keberkesanan standing atau lebih baik dalam mengawal rumpai lebih berkayu dan berdaun lebar berbanding produk konvensional.

Pereka cipta: Dr HJ Zulfitri Ab Rahman
Tajuk Teknologi & Sinopsis: Teknologi "Merus Ring" untuk rawatan air dandang




Cekapan pengalangan bergantung kepada operasi dandang yang cekap bagi membekalkan stim dan tenaga elektrik. Operasi dandang memerlukan rawatan air dandang, buangan air kotoran dan penyelenggaraan berkala. Penggunaan bahan kimia dalam proses rawatan air dandang mempunyai had dimana karat dan menda keras terbentuk. Teknologi baru diperkenalkan bagi mengahang penentuut serta mengurangkan karat dan mendak pada paip dandang. Teknologi "Merus Ring" menggunakan pengaruh oksidasi halus yang menkar silat air sebelum dandang. Pemeraan adalah mudah dan tidak memerlukan tenaga elektrik.

Pereka cipta: Dr Idris Abu Seman
Tajuk Teknologi & Sinopsis: Biobaja Hendersonia GanoEF Sebagai Kawalan Biologi Terhadap Penyakit Ganoderma Sawit



Formula biobaja Hendersonia GanoEF mengandungi kulat endofitik Hendersonia GanoEF1, baja organikan dan bukan organikan kulat endofitik hidup di dalam akar sawit dan membantu dalam penyerapan air dan nutrien pada pokok sawit. Formula biobaja yang digunakan pada pokok sawit dapat mengurangkan kejadian penyakit Ganoderma sebanyak 70%. Kematian yang disebabkan oleh Ganoderma pada pokok sawit yang dirawat dengan biobaja Hendersonia GanoEF adalah serendah (27%) berbanding pokok yang tidak dirawat (87%). Biobaja Hendersonia GanoEF sesuai digunakan di tapak semaian, semasa tanam semula (lubang tanam) dan selepas penanaman sawit. Kaedah ini dapat mengurangkan kejadian dan penyebaran penyakit Ganoderma di ladang sawit.

Tajuk Teknologi & Sinopsis: Rawatan Pemulihan Bagi Memanjangkan Hayat Hidup Pokok Sawit Yang Dijangkiti Ganoderma Menggunakan Racun Dazomet



Racun dazomet yang digunakan untuk rawatan pemulihan pokok sawit dijangkiti ganoderma tetapi masih produktif. Kadar kematian pokok sawit yang disuntik dengan racun dazomet adalah rendah berbanding pokok sawit yang tidak dirawat atau dirawat dengan timunan tanah. Racun dazomet berupaya membunuh kulat Ganoderma oleh itu produktifiti ladang dapat dikembalikan.

Pereka cipta: Dr Miskandar Mat Sahri
Tajuk Teknologi & Sinopsis: BeCare (Red Olein Drink)



BeCare, singkatan kepada Beta-Carotene Red palm oil, adalah sejenis minuman berasaskan minyak olein sawit merah. Minuman BeCare boleh menyumbang kepada pengambilan Vitamin A kerana minyak olein sawit merah mengandungi bahan tersebut. BeCare yang didadukan dengan minyak sayuran lain mengandungi asid lemak tepu, mono tak tepu dan poliatketepu pada nisbah 1:1:1. Minuman emulsi berperisa ini dibuat di baik untuk kesihatan.

TEKNOLOGI: BeCare (Red Olein Drink)

Ringkasan: MPOB telah mereka cipta satu minuman berkefungsian dari minyak olein sawit merah, BeCare. Minum BeCare boleh menyumbang kepada pengambilan Vitamin A kerana minyak olein sawit merah yang digunakan dalam adunan ini adalah mengandungi karotenoid dan merupakan prekursor Vitamin A. Diaduk dengan minyak sayuran lain supaya komposisi minumannya memenuhi kombinasi

Pereka cipta: Mohd Firdaus Othman
Tajuk Teknologi & Sinopsis: Protein Sawit daripada dedak isirung sawit




Teknologi pengestrakan protein daripada dedak isirung sawit untuk pelbagai kegunaan seperti analog. Produk ini diberi nama Palm Protein (Protein Sawit). Antara potensi kegunaannya adalah analog daging dan pengganti putih telur dalam industri makanan. Melalui kaedah pengestrakan tanpa hidrolisis berasid atau balikalki, protein yang berjaya diekstrak daripada dedak isirung sawit adalah tinggi dengan kandungan serat kasar yang rendah.

Pereka cipta: Mohd Firdaus Othman
Tajuk Teknologi & Sinopsis: Palm Protein Dextrase Agar (PPDA) Medium Baru untuk Pengkulturan Yis dan Kulat



Penggunaan protein daripada dedak isirung sawit sebagai sumber nitrogen menunjukkan keperluan positif terhadap pertumbuhan kulat Aspergillus, Rhizopus dan Ganoderma serta yis Candida albicans. Aplikasi PPDA adalah khusus kepada makmal-makmal, pembelajaran, servis dan perubatan.

Pereka cipta: Fatah Yah Abd Manaf
Tajuk Teknologi & Sinopsis: Kawalan Proses Pencairan Minyak Sawit Secara Automatik



Kawalan pencairan minyak semasa proses penjerohan adalah amat penting untuk mendapatkan proses yang efisien dalam memisahkan minyak dari air dan pepejal. Minyak setelah diperah dengan penekan mempunyai kekikatan yang tinggi dan memerlukan pencairan bagi mendapatkan penjerohan minyak. Proses pencairan yang optima adalah 38% hingga 40% kandungan minyak terhadap nisbah campuran minyak yang diperah. Ketika ini belum ada lagi kaedah tertentu yang efisien dalam pengawalan pencairan minyak dan kebanyakan pengilang tidak mengawal proses pencairan minyak ini, akibatnya kandungan minyak sentiasa berubah dan memberi kesan kepada proses penjerohan. Penjerohan yang tidak cekap menyebabkan penambahan kehilangan minyak berlaku, disamping itu juga pencairan berlebihan akan meningkatkan lagi pengeluaran effluen. Pembangunan teknologi kawalan pencairan minyak sawit secara automatik menggunakan NIR (near infrared) secara berterusan telah berjaya menetapkan pencairan pada keadaan yang optima. Pencairan optima ini dapat mengahsilkan penjerohan yang cekap seterusnya mengurangkan kadar kehilangan minyak semasa proses.



DARI MUKA 7

**Pereka cipta: Yung Chee Liang****Tajuk Perkhidmatan: Penentuan Kandungan Sulfated Ash dalam Biodiesel dan Bahanapi Diesel**

Sampel akan dibakar sehingga abu karbon tertinggal. Setelah disejukkan, asid sulfurik digunakan merawat sisa bakaran itu seterusnya dipanaskan sehingga pengoksidaan karbon yang lengkap. Abu disejukkan dan dirawat dengan asid sulfurik dan dipanaskan sehingga mendapat berat yang tetap. Berat abu tertinggal adalah kandungan sulfated ash.

Tajuk Perkhidmatan: Penentuan Pencemaran Keseluruhan Biodiesel

Sampel dituras pada tekanan 2-5 kPa. Baki penurasan dicuci dengan heptana dan enccmaran keseluruhan sampel biodiesel ditentukan.

Tajuk Perkhidmatan: Penentuan Kebealiran Elektrik Bahan Api Biodiesel

Elektrod meter kebealiran direndamkan dalam sampel. Kuasa elektrik yang dihasilkan melalui elektrod-elektrod adalah nilai kebealiran elektrik sampel tersebut.

SEPIINTAS**Projek Biogas beri imej positif**

Projek biogas yang kini diterokai oleh sektor pengilangan sawit di Sabah berupaya memberi imej positif kepada industri sawit sebagai industri mesra alam kata, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman. Ianya bukan sahaja dalam menjana elektrik untuk kegunaan kilang sawit sekali gus mengurangkan keberkangantungan kepada bahan bakar fosil yang dikenal pasti sebagai antara punca pencemaran udara. Dulu sisa buangan sawit memberi banyak masalah kepada kita, tetapi kini sudah menjadi sumber tenaga elektrik kepada kita, katanya semasa berucap merasmikan Loji Biogas di Kilang Sawit Apas Balung, milik Kumpulan Sawit Kinabalu di Tawau baru-baru ini.

RISDA sedia RM397j tanam semula

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) memperuntukkan RM397 juta bagi tujuan tanam semula getah dan kelapa sawit bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil dan sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara, kata Pengerusinya, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik pada majlis Penerangan Program Pembangunan RISDA Negeri Perak di Ipoh baru-baru ini.



TAN menyampaikan bantuan Skim Tanam Baru Sawit kepada pekebun kecil sempena Program Ceramah TUNAS di Kampung Naradang, Kudat, Sabah.

Pekebun kecil Kudat sertai ceramah TUNAS

Peserta disaran praktis amalan baik pertanian bagi tingkat pengeluaran buah tandan segar

Oleh Mohd Hairi Jati
hairi@mpob.gov.my

KUDAT: Lebih 150 orang pekebun kecil sawit daerah ini terutama dari Kampung Naradang, Matunggong dan sekitar Kudat menyertai sesi ceramah anjuran TUNAS, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Zon Sabah di Dewan Komuniti Kampung Naradang di sini baru baru ini.

Semasa merasmikan sesi ceramah itu, Ahli Lembaga Pengarah MPOB, Datuk Tan Yong Gee berkata pekebun kecil sawit perlu mengamalkan dan menyanggarkan kebun sawit melalui amalan baik pertanian yang berupaya meningkatkan pengeluaran buah tandan segar (BTS).

Beliau berkata, pekebun kecil sawit di kampung ini dan di seluruh Negeri Sabah amat beruntung kerana memiliki Pegawai TUNAS yang komited membantu dan membimbing para pekebun untuk mengusahakan tanaman sawit yang terbukti memberikan pulangan yang lumayan.

Kerajaan melalui MPOB ketika ini menawarkan bantuan kepada pekebun yang mempunyai tanah bagi mengusahakan tanaman sawit melalui Skim Tanam Baru dan kepada yang mempunyai kebun sawit tua pula, bantuan di bawah Skim Tanam Semula Sawit.

Oleh itu, katanya masyarakat tidak harus berlengah-lengah lagi bagi merebut peluang keemasan ini kerana pada masa ini, skim ini hanya ditawarkan untuk tempoh tiga tahun iaitu 2011 hingga 2013.

Katanya skim bantuan ini melibatkan pembiayaan penanaman kira-kira 80 peratus keluasan tanah milik setiap pekebun kecil yang layak.

Setiap hektar tanah yang diusahakan layak menerima bantuan bernilai RM9,000, iaitu pertambahan sebanyak RM2,000 daripada jumlah sebelum ini iaitu RM7,000 / hektar.

Pecahan nilai bantuan ini adalah RM2,000 untuk pembersihan kawasan kebun, RM2,000 bagi kerja pembinaan teres, perparitan serta penanaman kekacang bagi kawalan rumpai, RM2,000 untuk pembelian anak benih dan RM3,000 untuk kerja penyelenggaraan bagi dua tahun pertama termasuk pembelian baja dan kawalan rumpai.

Bantuan itu merupakan hadiah Kerajaan kepada pekebun kecil miskin bagi membangunkan ekonomi diri dan keluarga sekali gus keluar dari kepompong kemiskinan.

Pekebun kecil yang mendapat bantuan itu perlu berusaha dan menjadikan tanaman sawit sebagai langkah ke arah memajukan diri dan punca pendapatan yang tetap bagi meningkat taraf sosio-ekonomi kehidupan sekeluarga.

Bagi membantu pekebun kecil sawit meningkatkan produktiviti dan pendapatan, Kerajaan melalui MPOB menubuhkan Koperasi Penanam Sawit Mampan dan sehingga kini sebanyak 15 buah koperasi sudah ditubuhkan di seluruh negara meliputi negeri Sabah, Sarawak, Melaka, Selangor, Johor, Pahang dan Perak meliputi kawasan seluas 165,529 hektar.

Di Sabah, lima koperasi telah ditubuhkan iaitu di daerah Tongod, Kinabatangan, Kunak, Tawau dan Beluran. Koperasi Penanam Sawit Daerah Tongod telah dipilih sebagai projek printis untuk melaksanakan aktiviti mengumpul dan menjual buah sawit secara terus kepada kilang pemprosesan.

SKIM TANAM BARU SAWIT PEKEBUN KECIL (TBSPK)

OBJEKTIF

- Meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui pembudayaan kawasan sawit baru dan hasil sawit yang tinggi.
- Meningkatkan keluasan tanaman sawit dan pengeluaran hasil sawit negara.

SKOP BANTUAN

Anggaran nilai bantuan adalah RM9000/ha yang meliputi:

- Penyediaan tanah / pembersihan kebun.
- Anak benih sawit berkualiti yang dibekalkan dari tapak semaian sawit yang mempunyai OPNCC/CoR
- Pemberian baja untuk tahun pertama dan kedua.
- Racun perosak boleh dipertimbangkan pada tahun pertama jika berlaku serangan serangga yang serius.

SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia
- Pekebun kecil perorangan dengan pemilikan/pegangan tanah:
 - Semenanjung Malaysia: 5 ha dan ke bawah,
 - Sabah dan Sarawak: 7 ha dan ke bawah
- Mempunyai geran tanah yang sah atau yang mempunyai perjanjian serahan kuasa kepada penguasa.
- Had bantuan maksimum di seluruh negara adalah 5 ha.
- Syarat tanah adalah untuk tanaman sawit atau perikanan.
- Bagi tanah adat (PT) di Sabah dan tanah MCR di Sarawak, permohonan hendaklah di sokong oleh Ketua Kampung/Ketua Kaum/Utai Rumah dengan mengesahkan bahawa seseorang individu itu mengusahakan tanah tersebut dan tiada tuntutan bertand.
- Tanah adalah sesuai untuk tanaman sawit.
- Permohonan yang diluluskan bantuan hendaklah menyediakan kawasan tanaman mengikut amalan pertanian yang baik.
- Permohonan tidak boleh menggunakan keluasan skim ini sebagai alasan untuk menuntut hak milik tanah adat atau tanah tidak tergariskan.
- Keluasan skim boleh ditarik balik (terbatu), jika pemohon tidak dapat menyediakan tanah dalam tempoh 2 bulan selepas diberitahu melalui surat.

PERMOHONAN

Permohonan boleh dibuat melalui:

- Pejabat TUNAS MPOB di seluruh negara dan Pegawai TUNAS kawasan

Senarai nama dan alamat Pegawai TUNAS kawasan di seluruh negara boleh diperolehi melalui laman web www.mpob.gov.my



Pengumuman

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PEKEBUN KECIL SAWIT 2012

10-11 September 2012
Hotel Promenade,
Kora Kinabalu, Sabah

Dirasmikan Oleh:

Y.B.Tan Sri Bernard Giluk Dompok

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia



OBJEKTIF

- Menyampaikan teknologi baru berkaitan penanaman sawit dan perkembangan terkini dalam industri sawit.
- Menyuntik semangat kepada pekebun kecil, agen pengembangan, pegawai agensi dan individu yang terlibat dalam industri sawit sebagai penggerak transformasi sawit negara.
- Menyediakan ruang berinteraksi, pertukaran idea dan pengalaman di kalangan peserta seminar.

SIAPA YANG PATUT HADIR

Warganegara Malaysia yang terdiri daripada;

- Pekebun kecil individu
- Pekebun kecil tersusun di bawah agensi pertanian kerajaan
- Pengusaha estet sederhana
- Peniaga sawit
- Pengurus / Penyelia estet mini agensi
- Pembekal input pertanian
- Ahli akademik
- Penuntut universiti
- Pegawai Pengembangan dan
- Mereka yang berminat dengan industri sawit

YURAN PENDAFTARAN

RM350.00 termasuk bahan persidangan, makan dan minum sepanjang persidangan.

PERTANYAAN

Pendaftaran Persidangan
Norhaliza Kasmuri / Salmah Hussin
Tel: 03-8769 4570 / 03-8769 4873
Faks: 03-8925 7549 / 03-8926 1202
E-mel: eija@mpob.gov.my
salma@mpob.gov.my

Pendaftaran Pameran
Che Johari Mamar
Tel: 03-8769 4583
Faks: 03-8926 1337
E-mel: mjohari@mpob.gov.my

Teknikal
Hamdan Abu Bakar
Tel: 03-8769 4551
Faks: 03-8922 3119
E-mel: hamdan@mpob.gov.my

Khairuman Hashim
Tel: 03-8769 4984
Faks: 03-8922 3119
E-mel: nurhanani@mpob.gov.my

Nur Hanani Mansor
Tel: 03-8769 4257
Faks: 03-8925 9642
E-mel: nurhanani@mpob.gov.my

MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

Ministry of Plantation Industries and Commodities, Malaysia

4, Peniaran Intri, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang Selangor. Tel: 03-8769 4400 Fax: 603-8925 9446

Website http://www.mpob.gov.my



DR Ahmad Kushairi melawat Liquid Cargo Terminal di Port Qasim, Karachi kendalian syarikat usaha sama Malaysia- Pakistan.

Malaysia, Pakistan jalin kerjasama tapis minyak sawit

Kilang usaha sama pertama berkapasiti penapisan 800 tan

Oleh Mohd Fairus Mohd Hidzir
fairus@mpob.gov.my

KARACHI: Timbalan ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din membuat lawatan kerja ke Pakistan pada 7 hingga 8 Mei 2012 sempena seminar anjuran bersama MPOB dan Pakistan Edible Oil Refiners Association (PEORA).

Antara lawatan kerja yang telah diadakan ialah ke Mapak Edible Oils yang merupakan kilang penapis minyak sawit usaha sama Malaysia dan Pakistan. Kilang ini merupakan kilang penapis minyak sawit yang pertama didirikan di Pakistan pada tahun 2006.

ia mula beroperasi pada tahun yang sama dengan kapasiti penapisan 800 tan. Berikutan permintaan minyak sawit yang semakin meningkat di Pakistan, kapasiti penapisan minyak kilang ini telah ditingkatkan kepada 1,200 tan.

Kilang penapis mapak Edible Oils terletak dalam kawasan Port Qasim, kira-kira 35 kilometer dari pusat bandaraya Karachi.

Selain kilang penapis, syarikat Malaysia turut terlibat dalam usaha sama pengendalian pukal dengan menyediakan ruang penyimpanan minyak sawit melebihi 100,000 tan di Port Qasim.

Syarikat Malaysia turut melabur dalam usaha sama jeti penerimaan dan pemunggaan kargo cecair (liquid cargo terminal - LCT) di Port Qasim. Jeti ini adalah yang pertama dibina khusus untuk menerima minyak sawit di Port Qasim.

Pelabuhan ini mengendalikan sekitar 90 peratus import minyak sawit ke Pakistan. Jeti ini mula beroperasi pada 30 Mac 2009 dan berupaya mengendalikan lebih 4 juta kargo setahun. Sehingga kini, jeti ini telah mengendalikan lebih 10 juta tan import minyak sawit.

SEPINTAS

Ekonomi Negara dalam keadaan baik

Ekonomi Negara berada dalam keadaan baik berikutan kebijaksanaan kerajaan yang sudah membuat persiapan awal dengan tidak lagi bergantung kepada mana-mana pihak untuk memastikan kemakmuran Negara. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yacop berkata, Malaysia bukan sahaja bergantung kepada pendapatan eksport komoditi seperti minyak sawit, getah dan biji timah malah kini sebagai sebuah negara industri yang berupaya mempelbagaikan ekonomi bagi menjana pendapatan negara.

Peneroka FELDA terima durian runtuh

FELDA Wilayah Trolak di Perak dan Hulu Selangor serta Gugusan Felda Sungai Koyan di Kuala Lipis, Pahang adalah antara penerima awal durian runtuh sebagaimana yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini. Seramai 7,845 ketua ke-

luarga peneroka dari 21 tanah rancangan Felda Wilayah Trolak di Perak dan Hulu Selangor menerima bayaran khas fasa pertama berjumlah RM39.2 juta di sempurnakan dalam satu majlis di Felda Besout 2, Sungkai, Perak baru-baru ini.

TH rancang beli tanah ladang RM92 juta

TH Plantations Bhd dalam usahanya untuk menambahkan simpanan tanahnya merancang membeli 19,782 hektar tanah perladangan sawit di Sarawak dan Kalimantan Timur dengan harga RM92 juta. Dengan cadangan pembelian itu, simpanan tanah kumpulan akan meningkat kepada 59,154 hektar daripada 39,372 hektar, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zainal Azwar Zainal Aminuddin. Bagi pembelian tanah di Sarawak, kami menyasarkan akhir Mei dan akhir Ogos bagi pembelian di Kalimantan Timur. Kami berminat menambah lebih banyak simpanan tanah dan menyasarkan 20,000 hektar lagi di Sarawak dan Kalimantan.

" Penggerak Transformasi Sawit Negara "



Usaha pertahanan imej minyak sawit berhasil

Industri biomas sawit bakal wujud ratusan ribu peluang baru pekerjaan kepada generasi muda



Ketika ini, Malaysia di dalam proses memanfaatkan potensi besar biomas sawit. Biobahan api generasi baru, biobahan kimia dan barangan berguna yang berkaitan dijangka mampu memenuhi permintaan domestik dan antarabangsa yang semakin meningkat terhadap produk yang berkualiti tinggi, bebas pencemaran dan mampan.

Disamping membantu pengguna, industri biomas sawit ini bakal mewujudkan ratusan ribu peluang baru pekerjaan kepada generasi akan datang. Malah, pendapatan purata 161,000 pekebun kecil persendirian akan meningkat 47% menjelang tahun 2020.

Walaupun pelbagai manfaat sawit telah didedahkan kepada umum, Agensi Perlindungan Alam Sekitar (EPA) di US telah mengambil satu keputusan yang mengesahkan dengan melaksanakan kaedah yang sengaja di-

reka untuk menghukum minyak sawit dengan alasan melindungi alam sekitar dunia. Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) menolak keputusan ini dan akan berusaha sedaya upaya untuk melindungi kepentingan minyak sawit Malaysia. MPOC percaya tindakan EPA ini berlandaskan kepada maklumat palsu mengenai minyak sawit. Malah, langkah MPOC ini disokong oleh beberapa pakar terkemuka di Amerika Syarikat yang juga mengesahkan tindakan EPA ini.

EPA merumuskan bahawa penjimatan pencemaran 'gas rumah hijau' (GHG) daripada biodiesel sawit adalah 17%. Ini jauh lebih rendah daripada ketetapan minimum yang membolehkan biodiesel sawit didagang dan digunakan di US. Rumusan EPA ini jauh lebih rendah daripada kajian yang telah dijalankan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

yang mendapati penjimatan pencemaran GHG biodiesel sawit adalah 60.4% jika ia dihasilkan tanpa pelupusan gas metana (sama seperti pengiraan oleh EPA), dan setinggi 74.7% apabila ia dihasilkan dengan pelupusan gas metana.

Di dalam komennya kepada EPA, Dr Robert Shapiro, bekas Setiausaha Bahagian Perdagangan di bawah Presiden Clinton, berkata "tanpa memasukkan angka-angka yang sangat spekulatif bagi pelepasan yang berkaitan dengan Perubahan Penggunaan Tanah Secara Tidak Langsung (ILUC), kedua bahan api berasaskan minyak sawit masih berupaya menghasilkan pencemaran GHG yang rendah," di antara 58% dan 64%.

Dr Shapiro merumuskan bahawa keputusan EPA ini berpunca dari salah faham yang ketara tentang industri minyak sawit di Malaysia. EPA gagal mengkaji produktiviti besar dan nilai kemampanan yang telah dicapai oleh industri sawit Malaysia semenjak sedekad yang lalu. Ia juga mengabaikan jangkaan faedah yang ketara pada masa depan yang bakal dicapai oleh industri sawit negara.

Keputusan EPA menolak penggunaan minyak sawit sebagai biodiesel di US adalah selari dengan langkah Kesatuan Eropah (EU) untuk melindungi industri biodiesel mereka daripada persaingan global. Pihak yang berkaitan di EU juga memutarbelitkan nilai penjimatan pencemaran GHG dari minyak sawit supaya mereka boleh menyekat penggunaan biodiesel sawit di benua mereka. Penolakan terhadap strategi pembangunan jangka panjang serta usaha R&D yang dilaksanakan oleh Malaysia merupakan satu penghinaan kepada komitmen negara untuk mencapai ekonomi yang mampan dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

EPA telah mengabaikan fakta bahawa sawit adalah tanaman minyak sayuran yang diusahakan di atas tanah pertanian yang sah. Ketika US berhasrat menanam semula spesies pokok hutan di tanah mereka yang terbiar dan tidak produktif, Malaysia telah lama menanam sawit dan getah di atas keseluruhan besar tanah pertaniannya. Kini, ladang sawit di Malaysia merupakan penyerap bersih karbon (net carbon sink) yang besar; menyerap karbon lebih banyak daripada jumlah yang dihasilkannya serta menyingkir-

kan pencemaran yang berpunca daripada penebangan hutan dan perubahan penggunaan tanah. Ini dibuktikan melalui data-data kebangsaan yang telah dikemukakan oleh Malaysia kepada Jawatankuasa Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC).

Kenneth Adelman, bekas Duta Besar US ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah Presiden Reagan, baru-baru ini mengkritik keputusan EPA dengan mengatakan ia menggugat perubahan kerjasama di antara US dan Malaysia yang telah dipupuk sekian lama.

Adelman berkata "keputusan EPA menafikan hak sesama bahan-api bio berasaskan minyak sawit dengan bahan-api bio tempatan akan menyekat import bio bahan-api tersebut ke US secara tidak adil. Ini secara langsung akan menggugat strategi penting kerajaan US untuk memupuk pasaran terbuka di rantau Asia Pasifik," seperti yang diwartakan di dalam Perjanjian Kerjasama Trans-Pasifik (Trans-Pacific Partnership).

Walaupun dilihat sebagai satu usaha melindungi kepentingan industri biodiesel tempatan, kedua-dua peraturan di US dan EU ini berkemungkinan besar telah melanggar peraturan-peraturan larangan perdagangan terhadap halangan bukan-tarif yang telah dipersetujui oleh Pertubuhan Perdagangan Dunia. Di samping itu, langkah ini dilihat akan menjejaskan semangat kerjasama dan perkongsian strategik yang sedia terjalin di antara Malaysia dan rakan-rakan perdagangannya di barat.

Lazimnya, pihak-pihak yang berkenaan di kementerian-kementerian alam sekitar di Eropah dan US terlalu terikut-ikut dengan saranan dan retorik para NGO pro-alam sekitar di sana. NGO ini telah lama melancarkan kempen publisiti terhadap Malaysia dengan memutarbelitkan fakta serta tidak prihatin terhadap kempen mereka yang mengancam peluang pekerjaan dan mata pencarian petani kecil di negara membangun, mahupun kesan negatif kempen ini terhadap usaha industri sawit Malaysia di dalam pemuliharaan alam sekitar.

David Juday, penasihat pertanian kepada bekas naib presiden Amerika Syarikat, berpendapat bahawa EPA tidak mempunyai asas saintifik yang kukuh untuk me-

ngecualikan minyak sawit dan keputusannya ini akan merencatkan perdagangan antarabangsa.

Juday berkata ia adalah satu langkah negatif bagi semua pihak yang terlibat kerana ia merosakkan kepentingan Amerika - para pengguna di Amerika Syarikat terpaksa membayar harga yang lebih tinggi untuk menggunakan biodiesel dan pada masa yang sama mengganggu imbangan perdagangan Amerika - serta kepentingan para pengeluar tempatan dan masyarakat antarabangsa.

Hasil dari usaha keras mempertahankan imej minyak sawit Malaysia di Washington serta sumbangan individu tertentu di US yang arif tentang peranan industri pertanian di dalam menjana pertumbuhan ekonomi, pihak EPA baru-baru ini telah menagguhkan pelaksanaan peraturan-peraturan mereka terhadap biodiesel sawit. Setelah menjemput semua pihak yang berkepentingan termasuk pengeluar biodiesel sawit di Asia Tenggara mengemukakan komen terhadap peraturan ini, mereka kini telah melanjutkan tarikh akhir penerimaan komen untuk kali kedua sehingga penghujung April 2012. Ini menunjukkan bahawa usaha kita selama ini di dalam mempromosikan kesedaran tentang minyak sawit diperingkat global mula membuahkan hasil.

Kerajaan Malaysia akan terus mempertahankan strategi pertumbuhan ekonomi negara dan maruah industri sawit. Jika kita gagal mendedak sabuk bahari di Washington mungkin sekarang adalah waktu yang sesuai untuk mengkaji semula penyertaan Malaysia di dalam inisiatif inisiatif penting yang diimpikan oleh kerajaan US di rantau Asia. Langkah ini mungkin adil kerana US dilihat sanggup mendikriminasi salah satu produk eksport utama Malaysia yang merupakan sumber utama membasmi kemiskinan. Tiada sesiapa boleh merosakkan masa depan industri sawit yang bersih, selamat dan murah; masa depan yang menjanjikan kehidupan yang lebih baik untuk para pengguna dan juga para pekerjanya.

Artikel ini disunting dan diterjemah daripada artikel asal bertajuk, *Clearing the air*. Sila layari www.ceopalmoil.com untuk mendapatkan salinan asal artikel ini

KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Palkanya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan anugerah alam semulajadi untuk kehidupan.

Minyak Sawit Malaysia.
Kesihatan sejati. Anugerah alam semulajadi.

MPOB

Inovasi dan teknologi dalam industri sawit pertingkat produktiviti

DALAM dunia yang dilingkari kemajuan sains dan teknologi ini, kita dapat menyaksikan pelbagai teknologi baru telah dicipta untuk meningkatkan kualiti dan taraf hidup kita. Malaysia adalah antara pengeluar utama minyak sawit dunia selain Indonesia.

Oleh kerana Malaysia adalah antara pengeluar minyak sawit di dunia, maka Malaysia perlu memperbaharui dan mempertingkatkan lagi produktiviti sawit dengan menggunakan teknologi yang semakin canggih dari semasa ke semasa. Antaranya ialah proses pembiakbakaan. Proses ini menggunakan pengetahuan genetik untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil bahan yang dikacukkan. Sistem Maklumat Biakbaka (BIS) adalah salah satu sistem berkomputer yang dibangunkan bagi membolehkan pengendalian data biakbaka sawit khususnya berkaitan pengumpulan dan pengurusan data supaya lebih cekap. Di Malaysia, kelapa sawit varieti Tenera telah dihasilkan melalui pembiakbakaan dua varieti kelapa sawit iaitu Dura dan Pisifera. Tenera memiliki ciri baik daripada dua induknya, iaitu mesokarp yang tebal, tempurung yang nipis dan isirung yang besar untuk mendapatkan penghasilan minyak kelapa sawit yang paling banyak. Hal ini membuktikan kecanggihan teknologi telah meningkatkan produktiviti sawit di Malaysia.

Selain itu, pihak MPOB dan Persatuan Pemilik Ladang Malaysia (Malaysian Estate Owners Association - MEOA) telah mengadakan forum untuk membincangkan strategi dan hala tuju penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dilaksanakan oleh MPOB. Menurut pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, jumlah eksport produk berasaskan sawit pada tahun 2011 berjumlah 24.27 juta tan dan meningkat 34.5 peratus berbanding tahun 2010. Pencapaian ini merangkumi aktiviti bagi mempercepatkan tanam semula sawit, meningkatkan hasil buah tandan segar, meningkatkan kadar perahan minyak di kilang dan pertumbuhan sektor hiliran berasaskan makanan dan produk kesihatan. Industri sawit perlu meningkatkan pro-

PEMENANG PERTAMA

Siti Rodiah Che Din
(NO. K/P: 950120-08-5272)
SMK Dato' Kamaruddin,
Batu Kurau, Perak

duktiviti melalui penggunaan inovasi dan teknologi baru. Oleh itu, pihak MPOB menganjurkan Seminar Pemindehan Teknologi untuk memperkenalkan dan mengkomersialkan teknologi baru hasil R&D kepada industri pada setiap tahun. Pada MPOB telah melancarkan pelbagai teknologi baru dan perkhidmatan untuk dikomersialkan dan digunakan oleh industri. Kini, sebanyak 500 teknologi dan inovasi baru meliputi sektor hulu, pertengahan dan hiliran industri sawit telah dibangunkan oleh MPOB untuk meningkatkan produktiviti sawit di Malaysia.

Disamping itu, penciptaan jentera pemungut buah sawit relai telah mempercepatkan proses pemungut buah sawit relai. Penciptaan teknologi ini telah berjaya menggantikan kerja pemungut buah sawit relai secara manual iaitu secara menggunakan tangan atau pencakar bagi membantu kerja mengutip. Teknologi ini menggunakan konsep sedutan dan mampu menghasilkan kuasa sedutan berkesan yang mampu menangani masalah seperti tanah tersangkut pada saluran hos. Dengan reka bentuk bekas 'cyclone', teknologi baru ini mampu mengurangkan kerosakan kepada buah sawit relai. Ia juga mampu mengasingkan sampah dan buah sawit relai kepada dua lapisan ketika di dalam bekas. Penciptaan teknologi ini mampu meningkatkan produktiviti sawit di Malaysia disamping memudahkan kerja mengutip buah sawit relai.

Selanjutnya, penciptaan produk yang mampu mengatasi penyakit Reput Pangkal Batang (RPB) iaitu serbuk Pseudomonas GanoEB3. Serbuk ini mengandungi bakteria endofit yang mampu merencatkan pertumbuhan kulat Ganoderma yang menyebabkan RPB pada pokok sawit. Produk ini mengandungi vermikuit yang berupaya memelihara dan mengekalkan kesta-

bilan bakteria yang digunakan semasa tempoh penyimpanan. Serbuk ini berkesan merencatkan pertumbuhan kulat Ganoderma boninense yang diuji di peringkat makmal dan di tapak semaian. Kadar jangkitan penyakit Ganoderma pada anak sawit yang menggunakan serbuk ini telah dapat dikurangkan sehingga 52 peratus berbanding anak sawit yang tidak dirawat. Oleh itu, penggunaan serbuk Pseudomonas GanoEB3 mampu meningkatkan produktiviti sawit negara kerana ia dapat mengawal penyakit RPB pada pokok sawit secara berkesan.

Kini, minyak sawit bukan sahaja digunakan sebagai bahan bio-bahan api malah sebagai produk untuk penjagaan diri. Terbaru, MPOB telah menghasilkan deodoran hasil kajiannya berasaskan minyak sawit. Liquid Deodorant adalah deodoran pertama yang bersumberkan minyak sawit. MPOB berjaya mencipta deodoran tanpa menghalang peluh keluar dari badan dan boleh mengawal bau badan yang disebabkan peluh. Teknologi terbaru MPOB ini telah memenangi Gold Award dipertandingan reka cipta, International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX'11). Ini menunjukkan minyak sawit Malaysia bukan hanya berpaksikan penggunaan sebagai produk untuk bahan makanan malah sebagai produk penjagaan diri. Jadi, tidak mustahil seandainya minyak sawit Malaysia mampu digunakan untuk pelbagai tujuan dengan penggunaan teknologi canggih yang mampu meningkatkan produktiviti.

Konklusinya, Malaysia perlu menggunakan pelbagai teknologi dalam industri sawit untuk mempertingkatkan produktiviti sawit negara. Permintaan global yang kian meningkat terhadap komoditi seperti produk sawit menyebabkan pelbagai teknologi dihasilkan untuk meningkatkan mutu dan produktiviti sawit dikeluarkan. MPOB selaku institusi penyelidikan utama berkaitan sawit banyak menghasilkan inovasi, teknologi dan produk baru untuk meyakinkan negara pengimport bagi menjalankan urusan niaga minyak sawit dan produk berasaskan sawit dengan Malaysia.

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Jun 2012

PERADUAN ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Penyertaan golongan muda dalam sektor perladangan sawit bantu peningkatan produktiviti". Bincangkan

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;

Hadiah Pertama : RM250

Hadiah Kedua : RM200

Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam *Berita*

Sawit keluaran Julai 2012 akan datang.

Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
2. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran passport (sekiranya ada)
4. Keputusan juri adalah muktamad
5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 Jun 2012
6. Hantarkan penyertaan ke alamat: Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit

Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad
(Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Mei 2012

Pemenang:
Hadiah Pertama
Siti Rodiah binti Che Din
(No. K/P: 950120-08-5272)
SMK Dato' Kamaruddin
34500 Batu Kurau
Perak

Hadiah Kedua
Siti Nurshafiqah binti Shariffuddin
(No. K/P: 961229-08-5264)
SMK bagan Serai
34300 Bagan Serai, Perak

Hadiah Ketiga
Noor Farhana binti Jamil
(No. K/P: 971210-14-5198)
SMK Seri Kundang
48020 Rawang,
Selangor

KUIZ

KUIZ SAWIT SIRI 18



SYARAT PENYERTAAN

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 24 Oktober 2011
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon dan alamat sekolah yang lengkap kepada :
■ Ketua Pengarang Berita Sawit
Kuiz Sawit (Siri 18)
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

SOALAN KUIZ

1. Setiap tahun MPOB menganjurkan Seminar TOT. TOT adalah singkatan bagi...
 Transfer of Technical
 Transfer of Technology
 Transfer of Tactics
2. Seminar TOT menawarkan kepada pihak industri dan usahawan tempatan untuk dikomersialkan.
 Teknologi dan Perkhidmatan
 Pertolongan dan Bantuan
 Barangan dan Bantuan
3. Berikut adalah kelompok teknologi yang ditawarkan untuk pengkomersialan oleh MPOB kecuali...
 Industri Teknologi Hijau
 Industri Makanan
 Industri Petroleum
4. Nama penuh bagi POMA adalah...
 Persatuan Pengilang Sawit Malaysia
 Persatuan Kilang Sawit Malaysia
 Persatuan Pengilang Minyak Kelapa Sawit
5. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi juga dikenali melalui singkatan nama...
 KPPK
 MPIC
 MPIAC
6. Kod amalan yang diperkenalkan oleh MPOB bagi persijilan di tapak semaian dikenali dengan singkatan...
 RSPO
 SPOC
 CoPN
7. Berikut adalah komoditi yang dipantau di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi kecuali...
 Sawit
 Getah
 Petroleum
8. Skim bantuan yang diperuntukkan khusus kepada pekebun kecil sawit ialah...
 Skim Kelompok Baja Terselia
 Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil
Skim Penstabilan Harga Minyak Masak
9. MPOB mempunyai pejabat di seluruh Malaysia, kecuali...
 Johor
 Sabah
 Perlis
10. Negara berikut adalah pengeluar minyak sawit dunia kecuali...
 Indonesia
 Thailand
 Denmark

BORANG PENYERTAAN

- Nama :
- Tahap :
- Alamat Sekolah :
- No. Tel:
- Tandatangan Guru:

Pemenang Kuiz Sawit Siri 17

- | | |
|--|--|
| 1. Jannatul Fathirah Shamsul Amri
SK Seri Mutiara, Ipoh, Perak | 6. Nur Aisyahanna Abd Aziz
SK Sultan Ibrahim (1), Pasir Mas, Kelantan |
| 2. Nur Syamimie Roslan
SK Seremban Jaya 2, Seremban,
Negeri Sembilan | 7. Nurul Jannah Talib
SK Sura Dungun, Dungun, Terengganu |
| 3. Muhammad Firdaus Talib
SK Sura, Dungun, Terengganu | 8. Ahmad Hasif Akramin Mohamad
SK Desa Jaya, Bandar Tun Razak,
Jengka, Pahang |
| 4. Nur Amirah Hazirah Mahathir
SK Jalan 3, Bandar Baru Bnagi, Selangor | 9. Syalin Nurini Shahrol Izwan
SK Gangsa, Hang Tuah Jaya,
Durian Tunggal, Melaka |
| 5. Mohd Firdaus Aidil Mohd Noor
SK Kg. Kuantan, Batang Kali, Selangor | 10. Nur Allah Abdullah
SK Sg. Korok Lama, Alor Setar, Kedah |



SULTAN Johor, Sultan Ibrahim Ibni Al-Marhum Sultan Iskandar berkenan menerima cenderahati daripada Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad sempena Program Kembara Mahkota Johor di Johor Bharu, baru-baru ini.



TAN Sri Bernard Dompok mendengar penjelasan Datuk Dr Choo Yuen May semasa melawat gerai pameran MPOB sempena Program Hello Komoditi di Tamparuli, Sabah.



DATU' Hamzah Zainudin bersedia memukul gong bagi merasmikan seminar PILIPS. Turut kelihatan Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (kiri) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

DATU' Hamzah Zainudin memotong riben bagi merasmikan Garden Valley (Tapak Hiasan Mini Landskap) di hadapan Bangunan Kementerian Kewangan sempena Himpunan Jutaan Belia 2012 di Putrajaya baru-baru ini. Turut kelihatan Datin Paduka Nurmala Abd Rahim (kiri) dan Datuk Dr Choo Yuen May (tiga dari kiri).



DATUK Dr Choo Yuen May bertukar dokumen Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Pengarah Syarikat Tiara Kasturi, Ku Azhari Ku Baharum bagi pemindahan teknologi formulasi makanan ternakan dan pajakan loji rintis MPOB Keratong, Pahang di Ibu Pejabat MPOB baru-baru ini. Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) Dr Ahmad Kushairi Din (kanan) dan Pengurus Kewangan Syarikat Tiara Kasturi, Mohd Azmi Abd Kadir (kiri).



DATUK Dr Choo Yuen May memberi penjelasan kepada delegasi dari Brazil yang diketuai oleh Timbalan Gabenor Para, Brazil, Helenilson Pontes ketika melawat Ibu Pejabat MPOB, baru-baru ini.